

Apakah Benar Perancang Keluarga Sesuai Dengan Kita?

Oleh:

(Miza Lutfi – Nilam Puri)

Konsep kerajaan untuk mengurangkan keturunan adalah satu tindakan yang luar biasa dan perlu dikaji dengan teliti. Apakah benar menguntungkan kita atau sebaliknya?

Kita semua tahu tujuan kerajaan menjalankan langkah ini ialah semata-mata untuk mencegah bertambahnya bilangan penduduk yang membawa kepada kemiskinan dan kebuluran. Tetapi apakah tindakan yang demikian, kita yakin keturunan kita yang akan datang terlepas dari penyakit kebuluran?

Memang benar ramai bilangan penduduk atau umat manusia menjadi satu masalah yang rumit terutama di segi menyediakan makanan, pakaian, perubatan, pelajaran dan sebagainya. Tetapi memandangkan kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh manusia di hari ini, tidakkah hasil dari keramaian manusia? Saya berani menegaskan bahawa kalaulah bilangan manusia di hari ini seperti mana seribu atau dua ribu tahun dahulu, mustahil manusia dapat menuju ke bulan, mustahil manusia dapat mencipta berbagai-bagai alat yang moden, yang belum pernah dimimpi-mimpikan oleh mereka yang dahulu.

Jadi konsep kerajaan dalam soal perancang keluarga ini saya kira adalah satu tindakan liar, tindakan yang tidak diinginkan oleh sejarah (khususnya bagi umat Islam), tindakan yang agak songsang dari tabiat alam, malah satu tindakan yang menuju ke arah keruntuhan

akhlak dan moral di zaman kemajuan yang perlu diperbaiki dengan prinsip-prinsip dan ajaran Islam yang mulia.

Islam tidak menghendaki manusia membasmi keturunan mereka, Islam tidak menghendaki manusia mengurangkan keluarga mereka – walaupun di sana ada peristiwa *'azal* (Coitus interruptus) di zaman Rasulullah yang boleh diberatkan kepercayaan kita bahawa salah satu tujuan atau motif dari peristiwa itu ialah untuk pencegahan penghasilan. Walau pun begitu, namun hajat-hajat yang bertentangan dengan dasar itu masih tidak boleh dianggap sepi atau tidak boleh diketepikan begitu sahaja – malah sebaliknya Islam menggalakkan manusia khususnya umat Islam supaya membanyakkan keturunan, Rasulullah sendiri ada bersabda bahawa Baginda bermegah dengan keramaian umatnya di kemudian hari nanti. Dan setengah dari hikmah berkahwin ialah untuk meramaikan keturunan.

Apa yang menjadi masalah kepada kebuluran, atau dengan lain perkataan, untuk mengatasi soal kebuluran, bukanlah terhenti di atas kekurangan atau sedikitnya bilangan penduduk. Apa kata kalaulah bilangan penduduk yang sedikit itu malas-malas belaka. Tentu tidak akan terlepas juga dari penyakit kebuluran. Jadi untuk mengelakkan dari kebuluran, Islam menganjurkan manusia supaya bekerja

dan berusaha bersungguh-sungguh hatta dari usahanya itu diganti dengan hasil yang berlipat ganda banyaknya. Malah diberi pula pahala yang bukan sedikit.

Untuk mengelakkan dari soal ini (kebuluran), Islam mengarah manusia supaya menggunakan sumber kekayaan, kadar-kadar perbelanjaan negara hendaklah diasaskan kepada perkara-perkara atau projek-projek yang lebih berfaedah dan bermanfaat.

Tegasnya, untuk mengelakkan dari soal ini, Islam mengharamkan memperlonggokkan ekonomi kepada satu-satu golongan yang tertentu sahaja. Malah hendaklah diedarkan kepada umum untuk dinikmati bersama.

Masih belum terlewat tindakan untuk membasmi kebuluran. Tumpukan daya usaha kita ke arah bekerja bersungguh-sungguh, membuka tanah-tanah ladang dengan berbagai-bagai pertanian, meneroka tanah-tanah hutan kita yang kaya-raya dengan berbagai-bagai hasil yang selama ini terbiar sepi dan kosong. Bukanlah untuk membasmi kebuluran, dengan terburu-buru membasmi keturunan kita yang akan datang.

Teori intelektual manakah yang kita pakai untuk memayungi umat dan keturunan kita dari tertimbus atau menjadi satu kumpulan yang bertompok-tompok kecil dan tertindas. Saya harap orang ramai perlu merenungi dahulu sebelum menerima perancang keluarga itu. Sekian.